

**TEKS UCAPAN**  
**YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR**  
**TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR**

**MEWAKILI**  
**YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL**  
**RAHMAN**  
**REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA**  
**PERASMIAN KONVENSYEN KIK**  
**PERINGKAT ZON TENGAH**

**24 SEPTEMBER 2025 | RABU | 8:30 PAGI**  
**DK500, FAKULTI FARMASI**  
**UiTM CAWANGAN SELANGOR**  
**KAMPUS PUNCAK ALAM**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI RABBI ALAMIN  
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL  
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBIBI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Dr. Norli Ali**

Dekan

Fakulti Perakaunan

**YBrs. Prof. Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam**

**Abdullah**

Pengarah,

Pengurusan Kualiti, Inovasi & Kecemerlangan

Inovasi (InQKA)

Barisan Pengurusan Kanan Fakulti dan InQKA

Barisan Juri Yang Arif Lagi Bijaksana

Para peserta KIK, warga UiTM Selangor, Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini bagi meraikan **Konvensyen KIK Zon Tengah 2025**, satu platform penting dalam perjalanan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM.

3. Sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1980-an, inisiatif ini terus menggalakkan budaya kreativiti, inovasi, dan penyelesaian masalah di tempat kerja.
4. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor dan INQKA UiTM, yang telah bekerjasama dengan penuh dedikasi demi menjayakan program ini dengan membawa tema **“Ledakan Kreativiti”**.
5. Tema ini sangat bertepatan dengan aspirasi UiTM dan juga agenda nasional, bahawa gabungan kreativiti dan inovasi mampu melahirkan penyelesaian baharu yang sesuai dengan cabaran semasa, sekali gus mengukuhkan daya saing UiTM dalam dunia pendidikan tinggi dan perkhidmatan awam.

6. Saya difahamkan, tahun ini kita menerima penyertaan yang amat membanggakan dengan **30 kumpulan** dari Zon Tengah.
7. Daripada jumlah itu, **15 kumpulan terbaik** telah berjaya mara ke peringkat akhir.
8. Ini membuktikan betapa tingginya semangat, dedikasi dan komitmen warga UiTM dalam melahirkan inovasi yang bermakna.
9. Saya percaya pencapaian ini akan menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai pencipta idea baharu yang mampu memberi impak besar pada masa akan datang.
10. Justeru, saya menyeru agar semua peserta terus mengekalkan momentum ini, kerana setiap usaha inovatif yang dilahirkan hari ini adalah asas kepada kejayaan UiTM, dan meningkatkan keberkesanan

organisasi, malah turut memberi nilai tambah yang besar kepada masyarakat dan negara.

11. Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada semua peserta atas usaha dan pencapaian yang membanggakan sehingga berjaya mara ke peringkat akhir ini.

12. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk terus melangkah lebih jauh dan melakar kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Inovasi disemai membina bangsa,  
Langkah diatur menuju kejayaan;  
Tahniah diucap kepada semua,  
Teruslah gemilang menjulang harapan.

13. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Konvensyen KIK Zon Tengah 2025.**

**Sekian,**

**Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.**